

Rujukan kami : **MDKT/PPL/**  
Tarikh : \_\_\_\_\_

Pemohon  
Alamat Pemohon

Tuan,

**Tajuk Pelan**

Merujuk pekara di atas, dengan ini dimaklumkan bahawa proses pelan bangunan tuan/puan telah diluluskan oleh **Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi** pada \_\_\_\_\_ dengan dikenakan syarat-syarat berikut:-

- 1.1 Dikehendaki memberitahu pihak Majlis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.
- 1.2 Pihak tuan dikehendaki memasang papan tanda/kenyataan berukuran 3'x 4' di tapak binaan dan semua maklumat hendaklah di pararkan sebagaimana contoh yang telah disediakan oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi apabila kerja hendak dimulakan .
- 1.3 Pelan yang diakui lulus oleh Majlis hendaklah sentiasa disimpan di tempat pembinaan untuk kegunaan Pegawai Majlis semasa pemeriksaan di waktu bekerja.
- 1.4 Hendaklah mendapat kebenaran dari tuan punya tanah tersebut.
- 1.5 Kebenaran Majlis hendaklah diperolehi terlebih dahulu jika tuan :-
  - a) Bercadang hendak membuat apa-apa pindaan / tambahan dengan memajukan pelan bagi segala pindaan / tambahan.
  - b) Membina bangsal sementara untuk menyimpan bahan-bahan dan bangsal ini hendaklah dibuka sebaik sahaja bangunan tersebut telah siap dibina.
  - c) Kebenaran Majlis juga hendaklah diperolehi sebelum meletak bahan-bahan binaan di atas bahu jalanraya dan permohonan hendaklah dibuat sebulan terlebih dahulu.

- 1.6 Semua kerja pembinaan ini yang melibatkan pembuangan sisa bahan binaan hendaklah dibuang ke tempat pelupusan sampah Southern Waste Management (SWM). Pihak tuan hendaklah mendapat resit bagi kerja-kerja pengurusan pelupusan sampah daripada southern waste management (SWM) dan resit tersebut hendaklah dimajukan kepada MDKT semasa memajukan Borang E dan wang amanah.
- 1.7 Semua sampah sarap dan bahan binaan yang tidak berguna hendaklah dibuang di tempat yang diakui oleh Majlis serta hendaklah mendapat kebenaran majlis terlebih dahulu.
- 1.8 Proses permohonan melanjutkan tempoh pelan perlu dilakukan 3 bulan sebelum tarikh tamat pelan kelulusan tersebut.

**2. Sekiranya didapati mana-mana syarat yang tersebut di atas tidak dipatuhi, maka tindakan tegas mengikut Undang-Undang Majlis akan diambil terhadap tuan.**

3. Tempoh kelulusan pelan bangunan ini adalah untuk satu tahun dan akan berakhir pada \_\_\_\_\_. Permohonan untuk membaharui tempoh kelulusan pelan hendaklah dibuat untuk mendapatkan kelulusan semula dengan mengemukakan pelan kelulusan ini.
- 4 . Bersama-sama ini dikembarkan satu salinan pelan yang telah diluluskan bagi panduan dan simpanan tuan.
5. **Pelukis Pelan / Arkitek yang bertanggungjawab dikehendaki mengawasi pembinaan dan memajukan Borang B, G1 – G21 dan Borang F bagi pembinaan berisiko seperti kilang dan kompleks dan Borang F bagi rumah kediaman.**
6. Setelah borang-borang tersebut dikemukakan oleh Pelukis Pelan / Arkitek ke Majlis ini, pihak pemohon boleh membuat permohonan kembali wang amanah dengan mengemukakan **RESIT ASAL BAYARAN** berkaitan untuk tindakan Majlis selanjutnya.

Sekian, untuk tindakan lanjut pihak tuan/puan. Terima kasih.

**“SEDA MEMBANTU MUDAH URUSAN”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kota Tinggi.**

s.k      Arkitek/Pelukis Pelan  
Alamat Arkitek/Pelukis Pelan .

Penolong Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta  
**Majlis Daerah Kota Tinggi**